

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN
(BAYAN BARU)**

TARIKH : 4 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sama ada boleh mempertimbangkan pembukaan sektor gim, kolam renang dan golf dan sukan lain bagi negeri di dalam Fasa 2 bagi individu yang telah mendapat vaksinasi penuh.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Belia dan Sukan (KBS) komited membawa suara pemegang taruh industri sukan dan rekreasi terutamanya dalam kalangan pengusaha dan operator fasiliti sukan dan rekreasi yang terkesan. Rentetan itu, Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah bersetuju memberikan kebenaran beroperasi bagi semua fasiliti sukan dan rekreasi terbuka dan separa terbuka termasuklah kolam renang dan premis sukan dan rekreasi air (terbuka/ separa terbuka) bagi individu yang telah lengkap vaksin bermula di Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 1 berkuat kuasa pada 20 Ogos 2021.

Manakala bagi semua fasiliti sukan dan rekreasi terbuka dan separa terbuka termasuklah kolam renang dan premis sukan dan rekreasi air (terbuka/ separa terbuka) di bawah PPN Fasa 2 pula, kebenaran adalah diberikan kepada semua individu tanpa mengambil kira status vaksinasi. KBS telah mengemukakan permohonan pembukaan fasiliti tertutup (*indoor*) termasuklah operasi gimnasium kepada MKN terutamanya dengan mengambil kira status vaksinasi pelanggan atau pengguna. Walau bagaimanapun, permohonan tersebut masih dalam pertimbangan dan kelulusan adalah tertakluk kepada Sidang Khas MKN.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU
[BATU GAJAH]**

TARIKH : 4 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah kes bunuh diri yang berlaku di negara kita sejak bermulanya pandemik COVID-19. Nyatakan sebab-sebab peningkatan jumlah kes bunuh diri dan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk menanganinya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sumber data daripada PDRM mendapati bilangan kes bunuh diri yang dilaporkan adalah sebanyak 631 kes bagi tahun 2020, berbanding 609 kes bagi tahun 2019 iaitu peningkatan sebanyak 2%. Manakala, daripada Januari hingga Julai 2021 sejumlah 638 kes bunuh diri dilaporkan oleh PDRM berbanding 262 kes bagi tempoh yang sama pada tahun 2020 (Jan-Julai 2020) iaitu peningkatan sebanyak 58.9%.

2. Faktor-faktor yang menyumbang kepada kes bunuh diri yang dilaporkan oleh pihak PDRM pada tahun 2020 adalah pelbagai seperti isu psikososial dan persekitaran, isu kewangan (kehilangan sumber pendapatan atau pekerjaan), penyakit mental seperti kemurungan atau penyakit mental

yang lain, kurang sokongan sosial dan penyalahgunaan substans. Sebahagian daripada faktor-faktor ini adalah di luar jangkauan KKM.

3. Antara langkah yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan bagi membendung tingkah laku bunuh diri adalah:

- (i) **Mewujudkan talian bantuan sokongan psikososial dengan kerjasama NGO (MERCY Malaysia)** bermula 25 Mac 2020 bagi memberikan perkhidmatan sokongan dan kaunseling kepada komuniti/masyarakat yang terkesan akibat situasi pandemik COVID-19 termasuk kakitangan dan petugas awam kesihatan yang menjalankan tugas dalam menangani krisis pandemik COVID-19. Talian ini dikendalikan oleh pegawai psikologi kaunseling berdaftar KKM dan juga dibantu oleh sukarelawan pegawai psikologi agensi-agensi lain dan NGO;
- (ii) **Perkhidmatan kesihatan mental sedia ada diteruskan** di 1161 klinik kesihatan di peringkat primer, 4 institusi mental, 62 buah hospital KKM dan 28 Pusat Kesihatan Mental Masyarakat (MENTARI);
- (iii) **Penambahan seramai 200 orang Pegawai Psikologi Kaunseling kontrak** yang ditempatkan di daerah-daerah seluruh Malaysia bagi memperkukuhkan perkhidmatan kesihatan mental, pencegahan keganasan dan kecederaan serta penyalahgunaan substans;
- (iv) **Melaksanakan latihan pengendalian tingkahlaku bunuh diri** kepada '*first-line responders*' seperti anggota kesihatan, anggota polis, dan anggota bomba;
- (v) **Melaksanakan sesi libat urus (*engagement*) dengan pelbagai Kementerian dan agensi** bagi mengukuhkan peranan secara bersepadu di dalam menangani tingkah laku bunuh diri dalam kalangan rakyat Malaysia seperti:

SOALAN NO.69

- (a) kolaborasi bersama Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) bagi menyampaikan mesej-mesej positif kesihatan mental kepada masyarakat; memastikan pelaporan bertanggungjawab media tentang tingkahlaku bunuh diri; serta memantau individu yang berkeinginan bunuh diri di sosial media;
 - (b) libat urus bersama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) di dalam aspek latihan dan perluasan skop Kaunselor dan Pegawai Kerja Sosial di dalam pengendalian isu sosial berkaitan kesihatan mental dan tingkah laku bunuh diri di peringkat komuniti; dan
 - (c) kerjasama bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan NGO bagi mengendalikan isu permasalahan kesihatan mental dan isu tingkah laku bunuh diri secara bersepadu serta perkongsian data.
- (vi) **Perlaksanaan advokasi Kesihatan Mental melalui kempen Let's TALK Minda Sihat merentas agensi** yang merupakan satu inisiatif perkongsian pintar melibatkan agensi kerajaan dan pihak NGO di dalam mempromosikan dan menggalakan individu tampil bagi mendapatkan bantuan bagi masalah kesihatan mental terutamanya kemurungan.

Sekian, terima kasih.